

12/06/1997

Projek lapangan terbang dilulus

Hassan Omar

ALOR STAR, Rabu - Perdana Menteri memberikan kelulusan kepada kerajaan Kedah bagi melaksanakan cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa kedua di Kedah di projek menambak laut di Kuala Muda, kira-kira 140 kilometer dari sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluluskan projek berkenaan dalam surat faksimilinya dari London kepada Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, Sabtu lalu.

Sanusi berkata, selain memberikan kelulusan, Dr Mahathir juga mahukan pelaksanaan projek berkenaan dipercepat.

Projek di kawasan tambak laut seluas kira-kira 6,300 hektar itu akan dilaksanakan syarikat yang berpangkalan di Kuala Lumpur, Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd (Samudera).

"Projek itu diluluskan kerajaan negeri bulan lalu dan kami menerima surat faksimili daripada Perdana Menteri yang berada di London yang meluluskan projek ini, 7 Jun lalu.

"Kerajaan Kedah berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana meluluskan projek ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), di sini hari ini.

Menurutnya, apabila siap, lapangan terbang terbabit akan memperluaskan kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Pulau Pinang bagi menampung keperluan penerbangan di wilayah utara.

Selain itu, ia juga bakal berfungsi sebagai lapangan terbang ketiga di Kedah selepas Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas, dekat sini dan Lapangan Terbang Langkawi, katanya.

Sanusi berkata, pembinaan lapangan terbang itu berdasarkan model Lapangan Terbang Antarabangsa Osaka di Jepun yang juga dibina di kawasan tambakan laut.

Sanusi juga berkata, kerajaan negeri turut meluluskan projek menambak laut yang lain di Pulau Bunting dan pembinaan sebuah stesen janakuasa di kawasan tambakan laut yang dilaksanakan Samudera.

Menurutnya, SKS Venture Sdn Bhd bercadang melaksanakan projek pelabuhan laut dalam di Pulau Bunting manakala stesen terbabit akan dibina sebuah syarikat yang berpangkalan di Selangor, Automan Power Producers Sdn Bhd.

Projek lain yang diluluskan kerajaan negeri ialah projek perumahan tepi pantai, dekat Pulau Sayak, di Yan oleh Sayak Beach Sdn Bhd (Sayak Beach).

"Kerajaan negeri sudah memberikan kelulusan dan berharap Institut Kajian Hidrolik Kebangsaan (Nahrim) akan bekerjasama dengan mempercepat kajian kesan projek menambak laut terhadap alam sekitar.

"Kerajaan negeri berharap projek itu boleh dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan lagi," katanya.

Mengenai tempoh perkhidmatan anggota Exco, Sanusi berkata, beliau sudah melanjutkan tempoh terbabit kepada sebulan lagi dan mereka akan mengangkat sumpah 3 Ogos ini.

Ditanya sama ada beliau akan melakukan rombakan kabinet negeri, Sanusi berkata:

"Saya akan memutuskannya semasa percutian saya di Eropah dan Arab Saudi yang akan bermula malam ini dan berakhir 26 Jun ini," katanya.

(END)